Media Title : Kosmo
Headline : Mahasiswa kena scam serah wang tunai, barang kemas ibu
Date : 14 October 2026
Section : Negara!
Page : 12



Mahasiswa kena scam serah wang tunai, barang kemas ibu

BENTONG – Seorang mahasiswa sebuah universiti mengalami kerugian RM32,115 selepas diperdaya sindiket penipuan yang menyamar sebagai pegawai polis dengan taktik mendakwa mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram.

Pemangku Ketua Polis Daerah Bentong, Deputi Superintendan Azmi Mahmod berkata, mangsa berusia 18 tahun itu menyerahkan wang tunai RM6,115 dan barang kemas milik ibu bapanya bernilai RM26,000 kepada seorang wanita yang memakai pelitup muka di kawasan berhampiran sebuah pasar raya di Karak, dekat sini.

"Siasatan awal mendapati kejadian bermula apabila mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang individu yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis pada 7 Oktober lalu.

"Individu tersebut mendakwa mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram serta mengugut bahawa mangsa akan ditangkap sekiranya tidak mematuhi arahan yang diberikan.

"Akibat takut dengan ugutan tersebut, mangsa diperdaya untuk mengambil wang tunai dan barang kemas milik ibu bapanya kononnya bagi tujuan menyelesaikan kes berkenaan," katanya di sini semalam.

Katanya, mangsa turut diarahkan supaya merahsiakan perkara itu daripada pengetahuan ahli keluarga atau pihak lain.

Menurutnya, susulan laporan yang diterima pada 10 Oktober lalu, Bahagian Siasatan Jenayah Komersil Ibu Pejabat polis Daerah (IPD) Bentong menahan seorang wanita tempatan berusia 21 tahun kira-kira pukul 6.20 petang di kawasan berhampiran pasar raya berkenaan.

Beliau berkata, siasatan mendapati suspek dipercayai ditawarkan pekerjaan oleh sindiket berkenaan dengan mendakwa dirinya dilantik sebagai anggota Unit Tindak Khas Polis.

"Suspek dipercayai telah diarahkan untuk mengambil wang tunai dan barang kemas daripada mangsa sebelum menyerahkannya kepada pihak ketiga yang turut diatur oleh sindiket berkenaan.

"Dakwaan pelantikan tersebut dipercayai merupakan modus operandi sindiket bagi memperdaya suspek supaya menganggap tugasan yang diberikan sebagai urusan rasmi pihak polis," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu, manakala siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti peranan sebenar suspek serta mengesan individu lain yang dipercayai terbabit dalam sindiket itu.

Azmi menegaskan, polis tidak pernah mengarahkan mana-mana individu menyerahkan wang tunai atau barang kemas bagi menyelesaikan sesuatu kes menerusi panggilan telefon.

"Masyarakat diingatkan agar sentiasa berwaspada terhadap sebarang tawaran pekerjaan yang menyalahgunakan nama dan identiti pasukan polis, khususnya yang melibatkan arahan mengambil atau memindahkan wang tunai serta barang berharga milik individu lain," ujarnya.